

# Harakah paparkan Dr. M sebelah khinzir melampau

UM 17 JUN 2003

KUALA LUMPUR 16 Jun — Tindakan lidah rasmi Pas, *Harakah* memaparkan karikatur Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sebelah karikatur seekor khinzir yang dikatakan penyebab Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dalam keluaran terbarunya adalah satu perbuatan melampau dan menjijikkan.

Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) berkata, tindakan *Harakah* memaparkan karikatur itu dengan perkataan 'SAKS daripada khinzir SAR daripada Mahazir' sangat tidak beretika dan disifatkan satu penghinaan bukan sahaja kepada Perdana Menteri, malah kepada seluruh rakyat negara ini.

"Tindakan tersebut adalah biadab dan satu pengkhianatan kepada negara. Pas sepatutnya bersikap lebih rasional dan beretika.

"Sikap Pas ini tidak mencerminkan parti itu yang di-

katakan berteraskan Islam sebaliknya ia lebih dari iblis... menghina pemimpin yang banyak berjasa kepada rakyat," ujarinya.

Mohamad berkata demikian apabila bangun mencelah ketika Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir memberi penjelasan terhadap soalan tam-

bahan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Maerang) berhubung projek pelancongan yang menjejaskan alam sekitar.

Ketika ditemui di Lobi Parlimen selepas itu, beliau berkata, pemimpin Pas tidak layak untuk menghina Perdana Menteri yang jasanya membetulkan persepsi terhadap Islam telah diakui oleh masyarakat dunia.

Menurutnya, tindakan Pas itu seolah-olah membenarkan tanggapan negatif masyarakat dunia terhadap Islam.

Beliau meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) meneliti kembali pemberian permit kepada *Hurukuh* yang menggunakan kesempatan melalui penerbitan mereka untuk menyebarkan politik sempit Pas.

"Ini perlu dilakukan jika didapati *Harakah* boleh menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat," ujarinya.